



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA PERIHAL DAGANGAN 1972 [AKTA 87]

PERATURAN-PERATURAN PERIHAL DAGANGAN (HARGA JUALAN MURAH) (PINDAAN) 2010

SUSUNAN PERATURAN

Mukadimah.

Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Peraturan 2. Tafsiran.

Peraturan 3. Notis kepada Pengawal, dsb.

Peraturan 4. Nombor pendaftaran dan penyenggaraan daftar.

Peraturan 5. Hanya lima jualan pada harga jualan murah bagi satu tahun.

Peraturan 6. Jangka masa pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang dengan harga jualan murah.

Peraturan 7. Tujuh puluh peratus barang-barang yang dipamerkan hendaklah pada harga jualan murah.

Peraturan 8. Penunjukan harga.

Peraturan 9. Bukti harga yang paling rendah.

Peraturan 10. Melepaskan dari tanggungjawab.

Peraturan 11. Penyenggaraan rekod.

Peraturan 12. Penyenggaraan stok.

Peraturan 12A. Mempamerkan Notis

Peraturan 13. Iklan.

Peraturan 14. Pengecualian.

Peraturan 15. Kesalahan.

Peraturan 16. Pembatalan.

JADUAL.

SENARAI PINDAAN

Mukadimah.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 38A Akta Perihal Dagangan 1972 [Akta 87], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) (Pindaan)2010** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 11 Ogos 2010.

Peraturan 2. Tafsiran.

(1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"barang mudah rosak" ertinya mana-mana barang yang boleh musnah dengan cepat;

"harga jualan murah" ertinya harga barang-barang yang, dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, ditunjukkan dengan apa jua cara kurang daripada harganya yang barang-barang itu atau barang-barang yang sama perihalnya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dahulu;

"nombor pendaftaran jualan murah" ertinya nombor yang dikeluarkan di bawah peraturan 4.

(2) Apa-apa perbahasan atau penunjukan, sama ada secara langsung atau tak langsung, termasuk perbahasan "jualan", "diskaun", "pengurangan", "belian terbaik", "harga terbaik", "harga istimewa", atau "harga runtuh" "harga lebih murah setiap hari" atau "tawaran serparuh harga" dan dengan apa jua cara pun digunakan atau diberikan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, yang menunjukkan atau berkemungkinan difahamkan sebagai menunjukkan bahawa harga yang barang-barang itu ditawarkan adalah kurang daripada harga yang barang-barang itu atau barang-barang yang sama perihalnya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dahulunya hendaklah dikira sebagai suatu penunjukan bahawa orang yang menggunakan perbahasan itu atau memberikan penunjukan itu membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang itu dengan harga jualan murah.

(3) Jika perbahasan atau penunjukan itu dilekatkan, dilabelkan, dicapkan atau ditagkan dengan apa jua cara pada barang-barang, beg atau pada bekasnya oleh pengilang, pengeluar, pengimport atau pemborong barang-barang itu, maka pengilang, pengeluar, pengimport atau pemborong barang-barang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai orang yang membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang itu pada harga jualan murah.

Peraturan 3. Notis kepada Pengawal, dsb.

(1) Tiada seorang pun boleh, dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang dari apa-apa perihal dengan harga jualan murah melainkan jika suatu notis bertulis seperti yang dinyatakan dalam Jadual diserahkan kepada pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal tidak lewat dari empat belas hari sebaik sahaja sebelum tarikh bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang itu dengan harga jualan murah.

(2) Dalam hal jika terdapat lebih dari satu tempat perniagaan, satu salinan notis bagi tiap-tiap tempat perniagaan hendaklah dihantar kepada Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal di kawasan tempat barang-barang itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dengan harga jualan murah.

(3) Apa-apa notis di bawah subperaturan (1) atau (2) hendaklah dihantar dengan menyerahkannya sendiri atau dengan mengirimkannya melalui pos berdaftar.

(4) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, jika harga jualan murah dilekatkan, dilabelkan, dicapkan atau ditagkan dengan apa jua cara pada barang-barang, beg atau pada bekasnya oleh pengilang, pengeluar, pengimport atau pemborong barang-barang itu, maka notis yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disampaikan oleh pengilang, pengeluar, pengimport atau pemborong barang-barang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Tiada seorang pun boleh meminda atau menarik balik notis yang diserahkan kepada Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal di bawah subperaturan (1) melainkan jika suatu pemberitahuan secara bertulis tentang niat orang itu untuk membuat demikian diserahkan kepada Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal tidak lewat dari tujuh hari sebelum tarikh bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang itu dengan harga jualan murah dan pemberitahuan itu telah diaku terima oleh Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal.”.

Peraturan 4. Nombor pendaftaran dan penyenggaraan daftar.

Apabila menerima suatu notis di bawah subperaturan 3(1) atau 3(2), Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal hendaklah menyenggara suatu daftar dan hendaklah mengeluarkan suatu nombor pendaftaran jualan murah bagi maksud peraturan ini.

Peraturan 5. Hanya lima jualan pada harga jualan murah bagi satu tahun.

(1) Jumlah jualan dengan harga jualan murah yang dibenarkan di

bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah tidak boleh melebihi enam kali dalam mana-mana tahun kalendar yang mana:

- (a) tiga kali hendaklah ditetapkan oleh Pengawal; dan
 - (b) dua kali atas pilihan pengilang, pengeluar, pengimport, pemborong atau peruncit, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (2) Tarikh dan jangka masa bagi tiga jualan pada harga jualan murah hendaklah dinyatakan kepada awam pada akhir tiap-tiap tahun kalendar melalui pemberitahuan dalam *warta*.
- (3) Tarikh dan jangka masa jualan yang disebut di bawah perenggan (1)(b) hendaklah tidak ditetapkan pada tarikh dan jangka masa yang sama sebagaimana ditentukan di bawah subperaturan (2).

(3A) Tiada seorang pun boleh mengadakan apa-apa jualan dengan harga jualan murah dalam jangka masa empat belas hari selepas berlangsung jualan yang diadakan di bawah perenggan (1)(b), melainkan jualan yang diadakan di bawah perenggan (1)(a)."

(4) Mana-mana orang yang mengadakan—

- (a) apa-apa jualan dengan harga jualan murah selain daripada tarikh dan jangka masa yang ditentukan di bawah subperaturan (2) dan dua kali jualan yang dibenarkan di bawah perenggan 1(b); atau
- (b) apa-apa jualan dengan harga jualan murah dalam jangka masa empat belas hari selepas berlangsung jualan yang diadakan di bawah perenggan (1)(b),

adalah melakukan suatu kesalahan."

Peraturan 6. Jangka masa pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang dengan harga jualan murah.

(1) Apa-apa jangka masa pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang dengan harga jualan murah tidaklah boleh melebihi tiga puluh hari atau apa-apa jangka masa yang Pengawal boleh tetapkan.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi mana-mana peruncit yang membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang yang baginya harga jualan murah dilekatkan, dilabelkan, dicapkan atau ditagkan dengan apa jua cara pada barang-barang, beg atau pada bekasnya oleh pengilang, pengeluar, pengimport atau pemborong

barang-barang itu.

(3) Bagi maksud subperaturan (2), jika seseorang peruncit didapati membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang yang baginya harga jualan murah dilekatkan, dilabelkan, dicapkan atau ditagkan pada barang-barang, beg atau bekasnya, maka peruncit itu hendaklah disifatkan membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang dengan harga jualan murah, melainkan jika dia membuktikan bahawa harga jualan murah itu dilekatkan, dilabelkan, dicapkan atau ditagkan pada barang-barang, beg atau pada bekas itu telah dilekatkan, dilabelkan, dicapkan atau ditagkan sedemikian pada barang-barang, beg atau pada bekasnya oleh pengilang, pengeluar, pengimport atau pemborong barang-barang itu.

Peraturan 7. Tujuh puluh peratus barang-barang yang dipamerkan hendaklah pada harga jualan murah.

Seseorang yang dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang daripada apa-apa perihal dengan harga jualan murah hendaklah membekalkan atau menawar untuk membekalkan sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus daripada kesemua barang-barang yang dipamerkan untuk jualan di premis perniagaan itu pada harga jualan murah.

Peraturan 8. Penunjukan harga.

(1) Mana-mana orang yang, dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang dari apa-apa perihal dengan harga jualan murah hendaklah menunjukkan pada barang-barang itu, yang berikut:

(a) harga yang barang-barang itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dahulu olehnya; dan

(b) harga jualan murah.

(2) Jika keadaan barang-barang itu terlalu kecil sehingga menjadikannya tidak praktikal untuk menunjukkan butir-butir yang dinyatakan dalam subperaturan (1), maka memadai dengan meletakkan panel peragaan yang mengandungi butir-butir tersebut dengan suatu cara yang ketara dekat dengan barang-barang itu.

(3) Bagi maksud subperaturan (1), "harga yang barang-barang itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dahulu olehnya" ertinya harga yang paling rendah yang barang-barang itu atau barang-barang yang sama perihalnya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan olehnya dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan di premis yang sama dalam tempoh berterusan tidak kurang daripada dua puluh lapan hari sebaik sahaja enam bulan sebelum tarikh bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekal barang-barang dengan harga jualan murah, tidak termasuk harga semasa jangka masa jualan murah yang telah diadakan di premis berkenaan.

Peraturan 9. Bukti harga yang paling rendah.

(1) Bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah Peraturan ini, jika dikehendaki dibuktikan harga yang paling rendah bagi barang-barang itu atau barang-barang yang sama perihalnya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan di premis yang sama dalam tempoh berterusan tidak kurang daripada dua puluh lapan hari sebaik sahaja enam bulan sebelum tarikh bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekal barang-barang dengan harga jualan murah, maka memadailah bagi pihak pendakwa membuktikan bahawa harga barang-barang itu atau barang-barang yang sama perihalnya sebenarnya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut.

(2) Jika terdapat perbezaan harga berkenaan dengan barang-barang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dalam tempoh berterusan tidak kurang daripada dua puluh lapan hari sebaik sahaja enam bulan sebelum tarikh bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekal barang-barang dengan harga murah, harga terendah itu hendaklah diambil sebagai harga tersebut.

Peraturan 10. Melepaskan dari tanggungjawab.

Tiada seorang pun boleh, sama ada secara langsung atau tak langsung, semasa tempoh dia membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang dari apa-apa perihal pada harga jualan murah melepaskan tanggungjawabnya ke atas perkara-perkara berikut:

- (a) bahawa barang-barang itu mempunyai kualiti boleh dagang;
- (b) bahawa barang-barang itu semunasabahnya layak untuk tujuannya; dan
- (c) berkenaan waranti atau jaminan berhubungan dengan barang-barang itu.

Peraturan 11. Penyenggaraan rekod.

Mana-mana orang yang, dalam perjalanan suatu perdagangan atau perniagaan membekalkan atau menawar untuk membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang daripada apa-apa perihal pada harga jualan murah hendaklah-

- (a) menyenggara suatu rekod yang benar dan lengkap tentang harga barang-barang bagi tempoh enam bulan yang lalu yang ditawarkan di premis yang sama; dan
- (b) menyenggara suatu rekod yang benar dan lengkap tentang

notis yang diserahkan kepada Pengawal, Timbalan Pengawal atau Penolong Pengawal di bawah peraturan 3 dan dia hendaklah menyimpan rekod itu selama tempoh satu tahun dari tarikh bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang dengan harga jualan murah itu.

Peraturan 12. Penyenggaraan stok.

Mana-mana orang yang, dalam perjalanan suatu perdagangan atau perniagaan membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang daripada apa-apa perihal dengan harga jualan murah hendaklah semasa dalam tempoh itu menyenggara suatu stok munasabah barang-barang bagi maksud itu.

Peraturan 12A . Mempamerkan notis

Notis di bawah peraturan 3 hendaklah dipamerkan jalnnya di suatu tempat yang mudah dilihat di tempat arga jualan murah diadakan.

(2) Jika ia adalah tidak praktik untuk menampal butir-butir di bawah butiran 4 notis menurut subperaturan (1), butir-butir itu boleh—

(a) dipamerkan dalam apa-apa skrin paparan elektronik; atau

(b) disimpan dalam folder atau fail,

dan diletakkan dalam suatu kedudukan yang mudah dilihat di tempat jualan dengan harga jualan murah diadakan dan ia hendaklah tersedia kepada pengguna.

(3) Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa pun subperaturan (2), butiran 1, 2, 3 dan 5 notis atau notis-notis di bawah peraturan 3 hendaklah didedahkan menurut subperaturan (1).

Peraturan 13. Iklan.

(1) Mana-mana orang yang mengiklankan jualan pada harga jualan murah dalam apa jua bentuk berhubungan dengan barang-barang pada harga jualan murah hendaklah menyatakan di dalam iklan itu nombor pendaftaran jualan murah dan jangkamasa jualan itu diadakan.

(2) Tertakluk kepada peraturan 8, tiada seorang pun boleh mengiklankan jumlah pengurangan harga pada harga jualan murah.

Peraturan 14. Pengecualian.

Peraturan ini tidaklah terpakai bagi mana-mana orang yang, dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan-

(a) mengurangkan harga barang-barang jika pengurangan harga itu tidak dengan apa jua cara menunjukkan apa-apa perbandingan dengan mana-mana harga lain;

(b) mengurangkan harga barang-barang jika penunjukan atau perbincangan berhubungan dengan pengurangan harga itu adalah dibuat kerana mematuhi apa-apa syarat tertentu berhubungan dengan pembelian barang-barang tersebut;

(c) mengurangkan harga barang-barang jika penunjukan satu perbincangan berhubungan dengan pengurangan harga itu adalah dibuat secara lisan dalam premis di mana jualan itu dibuat; atau

(d) mengurangkan harga barang-barang jika penunjukan atau perbincangan berhubungan dengan pengurangan harga dibuat berkenaan dengan barang mudah rosak

Peraturan 15. Kesalahan.

(1) Mana-mana orang yang membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang dari apa-apa perihal yang memberi, dengan apa jua cara, apa-apa penunjukan palsu berkenaan dengan harga jualan murah adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Sesuatu penunjukan berkenaan dengan harga jualan murah adalah palsu-

(a) jika penunjukan harga yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dahulu yang disebut dalam perenggan 8(1)(a) adalah palsu; atau

(b) jika harganya yang barang-barang itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan adalah sama dengan atau lebih daripada harganya yang barang-barang itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dahulu; atau

(c) jika harganya yang barang-barang itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan didakwa secara palsu sebagai kurang

daripada harganya yang barang-barang itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dahulu dengan amaun atau kadar tertentu; atau

(d) jika barang-barang itu tiada untuk dibekalkan di sepanjang tempoh yang barang-barang itu sepatutnya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dengan harga jualan murah.

(3) Mana-mana orang yang membekalkan atau menawar untuk membekalkan barang-barang dari apa-apa perihal dengan harga jualan murah yang-

(a) memberi butir-butir palsu dalam notis di bawah peraturan 3; atau

(b) menyanggara rekod-rekod atau butir-butir palsu berhubung dengan harga barang-barang itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dahulunya, adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta.

Peraturan 16. Pembatalan.

Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1987 [P.U. (A) 424/87] adalah dibatalkan.